

POLISI DAN PANDUAN PELAKSANAAN KEMPEN BERSAMA

peduli.sumbangan.com

Polisi

1. Tajuk kempen yang jelas & ringkas
 - ✓ Tajuk kempen haruslah menjelaskan tujuan kempen.
 - ✓ Tajuk kempen yang dipilih haruslah spesifik, tidak terlalu umum.
 - ✓ Tajuk kempen tidak boleh menggunakan kata “Wakaf” atau “Zakat”.
 - ✓ Tajuk kempen haruslah singkat, padat dan jelas.
 - ✓ Tidak boleh mengandungi symbol (&,.?");).
2. Tajuk Poster/*Headline Post*
 - ✓ Tajuk poster tidak boleh sama seperti tajuk kempen.
 - ✓ Tajuk poster perlulah sama tema dengan tajuk kempen.
 - ✓ Tajuk poster boleh menggunakan ayat memujuk/penyata/soalan/puisi atau puitis untuk menjelaskan tema kempen.
3. Pemilihan nama link URL kempen
 - ✓ Link URL yang dipilih akan digunakan untuk menghebahkan kempen yang dibuat.
 - ✓ Link URL haruslah sesuai dengannn kempen yang dibuat.
 - ✓ Link URL harus padat dan jelas (boleh mengikut kepada tajuk kempen)
 - ✓ Link URL harus menjadi pembeza dengan kempen-kempen lain.
4. Jumlah sasaran yang diperlukan
 - ✓ Jumlah sasaran kempen haruslah termasuk semua kos (kos pemasaran, kos pelaksanaan kempen dan kos platform sumbangan.com)
 - ✓ Jumlah sasaran kempen boleh bermula serendah **RM300.00** sehingga maksima sebanyak **RM3,000.00** sahaja.
5. Perancangan dan perincian kegunaan dana yang dipohon
 - ✓ Haruslah mempunyai rincian kegunaan dana yang jelas & lengkap.
6. Tarikh akhir kempen
 - ✓ Tarikh akhir kempen haruslah dipilih sesuai dengan peranan pelaksanaan kempen.
 - ✓ Setiap kempen diberi jangka masa selama satu (1) tahun.

7. Poster Kempen

- ✓ Berukuran 4:3 atau 1280x960px.
- ✓ Gambar yang digunakan bersesuaian tema kempen.
- ✓ Tidak dibenarkan meletak nombor akaun bank pertubuhan/persendirian.

8. Tentang Kempen

8.1 Penulisan Call to Action

- ✓ Harus menarik perhatian dalam sekali lintas.
- ✓ Penulisan harus ada tujuan dan menjelaskan kempen secara ringkas.
- ✓ Penulisan perlulah berkaitan dengan isu semasa dari semasa ke semasa

8.2 Keterangan & Penjelasan tentang kempen:

Panduan mengikut 5W 1H

- ✓ What (Apa) : Apa yang terjadi?
- ✓ Who (Siapa) : Siapa yang terlibat dalam peristiwa itu?
 - : Siapa penerima manfaat untuk kempen yang dilakukan?
 - : Berapa ramai penerima manfaat untuk kempen yang dilakukan?
- ✓ Why (Kenapa) : Mengapa/Bagaimana hal itu berlaku?
- ✓ When (Bila) : Bila peristiwa itu akan berlaku?
- ✓ Where (Dimana) : Dimana peristiwa itu akan berlaku?
- ✓ How (Bagaimana) : Bagaimana dan harapan anda terhadap kempen itu?
 - : Bagaimana cara perbelanjaan sumbangan akan digunakan

Nota Tambahan:

- ✓ Sila masukkan empat (4) gambar tambahan / video yang menyokong kempen anda yang menggunakan link youtube.
- ✓ Gambar yang dimasukkan ke dalam keterangan kempen perlu sama seperti tema kempen yang dijalankan (berbeza dengan gambar poster)
- ✓ Jika tiada, sila masukkan gambar-gambar program lalu atau barangan apa yang akan diberikan/beli.

9. Ringkasan Kempen

- ✓ Ringkasan kempen haruslah menjelaskan keperluan untuk Tindakan segera kempen.
- ✓ Ringkasan kempen harus di bawah 200 aksara & nyata (ini termasuk jarak dan simbol)
- ✓ Ringkasan kempen ini akan digunakan sebagai penulisan untuk kongsi ke media sosial.

10. Facebook Pixel ID (jika ada)

- ✓ Digunakan jika penganjur menggunakan meta (facebook dan Instagram) sebagai media promosi.
- ✓ Hanya perlu memasukkan 15 digit ID (tidak perlu memasukkan semua kod yang diberikan)

Panduan

URL : <https://peduli.sumbangan.com/rawatansusulan>
Tajuk : SUMBANGAN DANA RAWATAN SUSULAN
Sasaran Kempen : RM 3,000
Lokasi : Besut, Terengganu
Tarikh Akhir : 31 Ogos 2022



Tentang Kempen:

Isi Pertama: *Call to Action*

Jom kita bersama-sama mengejar saham akhirat dengan membuat sumbangan. RM 10 amat bernilai buat Ibu Qausar. Penyakit kronik yang merunsingkan telah menimpa Ibu Qausar kerana beliau menghidap kanser hidung tahap 3 dan sesungguhnya hal ini amat mendukacitakan.

Isi Kedua: Keterangan dan Penjelasan Tentang Kempen



**Sertakan gambar sekurangnya tiga (3) gambar pesakit menjalani rawatan.*

Saya, Qausar binti Muhammad dan berumur 40 tahun. Kini, saya menderita kerana menghidap kanser hidung tahap 3. Saya mempunyai 3 orang anak di bawah jagaan saya dan hanya bekerja sebagai pembuat kuih untuk kelangsungan hidup.

Saya turut dikenali sebagai Ibu Qausar dan merupakan seorang ibu tunggal. Anak sulung saya yang berumur 18 tahun baru sahaja menamatkan zaman persekolahan terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan seharian memandangkan saya sudah tidak berupaya untuk membuat kuih.

HKLRT/01

JABATAN RADIOTERAPI & ONKOLOGI
(DEPARTMENT OF RADIOTHERAPY & ONCOLOGY)
HOSPITAL KUALA LUMPUR
JALAN PAHANG
50558 KUALA LUMPUR
TEL: 03-26155810 / 5516
FAX: 03-26925713

REPLY LETTER AFTER COMPLETED TREATMENT

So Pd
Isteg Raja Perdikuli Baharu
Spem, Rak. Tarikh: 15/11/13

Dear Doctor,

Name: [REDACTED]
IC No: [REDACTED]
Diagnosis: (L) breast inv ca EP/PA G 4c+2G
Stage: TNM
Surgery: (L) mac 10/1/2010

Thank you for referring the above named patient whom I first saw on [REDACTED]. The problem is as summarized above. He / She has been treated with radiotherapy as detailed below. He / She will be seen again on [REDACTED]. The radiation reaction should have resolved by then.

RADIOTHERAPY DETAILS

Intent: Palliative (Radical)
Site: [REDACTED]
Dose: [REDACTED]
Fractions: [REDACTED]
Date: [REDACTED]

JABATAN RADIOTERAPI & ONKOLOGI
(DEPARTMENT OF RADIOTHERAPY & ONCOLOGY)
HOSPITAL KUALA LUMPUR
JALAN PAHANG
50558 KUALA LUMPUR
TEL: 03-26155810 / 5516
FAX: 03-26925713

BORANG PENGESAHAN PENYAKIT

Kepada Yang Berkenaan

Nama: [REDACTED]
No KP: [REDACTED]
No RT: [REDACTED]

Pesakit tersebut telah diahkan menghidap penyakit: (S) Breast invasive
(Gaussian) yg T4xN2Mx ER, PR (+)

Bellau sedang menerima rawatan: hermetik-hermetik

yang akan mengambil jangka masa selama: period to end radiotherapy for 15 H (Breast) all rays

Sekian untuk makluman
Terima Kasih

Tandatangan: [Signature] R. Ahmad
Jawatan: [Signature] UMR

PERIYATANG KERJA BERPADUKAN DAN PROFESIONALISME
ADALAH BUDAYA KERJA KITA

1702 17

Saya tidak boleh tertinggal rawatan. Sekiranya terlepas rawatan, kemungkinan untuk mendapat komplikasi dan masalah lain amat tinggi.



Allahu Akbar! Marilah bergandeng bahu untuk menyumbang dan meringankan beban Ibu Qausar. Jumlah sumbangan bakal diberikan secara terus kepada Ibu Qausar dan digunakan untuk:

- Menjalani rawatan susulan
- Pembelian ubat-ubatan

Walaupun tidak berkemampuan untuk memberikan sumbangan secara bersemuka tetapi usah risau, sumbangan berbentuk tunai sedikit sebanyak boleh memberikan sinar buat Ibu Qausar.